

Nasihat PM kepada pelabur saham

Elak spekulasi berlebihan

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pelabur mengkaji secara mendalam latar belakang sesebuah syarikat dan mengelak daripada terpengaruh dengan kegiatan spekulasi berlebihan sebelum membuat pelaburan.

Menurut Perdana Menteri, lebih penting lagi pelabur tidak harus tertipu dengan khabar angin dan 'tips' pasaran.

Katanya, adalah memranjatkan kerana masih ada pelabur berpengalaman boleh terpengaruh dengan khabar angin walaupun ia sudah kerap kali terbukti sebagai tidak berasas.

"Adalah perlu usaha yang lebih berencana dilakukan bagi mendidik pelabur mengenai asas-asas pasaran saham jika kita mahu mewujudkan pasaran saham yang kukuh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Pasaran Modal Asia: Batas-Batas Pertumbuhan serta melancarkan Buku Panduan Tahunan Syarikat BSKL dalam bahasa Melayu yang pertama, di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu yang bertujuan mewujudkan kefahaman dan persepsi jitu berhubung pasaran modal di negara Asia dianjurkan bersama oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Institut Industri Sekuriti Asia (ASII).

Dr Mahathir berkata,

negara yang mempunyai pelabur bermaklumat dan berpengetahuan akan berjaya mewujudkan sebuah pasaran saham kukuh serta akan menyumbang modal secukupnya bagi pembangunan komersil.

Menurutnya, meskipun benar dalam keadaan pasaran spekulasi seseorang itu boleh mengaut keuntungan lumayan jika memilih kaunter yang betul, persoalannya selama manakah keadaan itu boleh bertahan.

Katanya, pasaran saham adalah penting bagi perkembangan ekonomi negara kerana ia bukan sahaja merangsang perolehan dana syarikat bagi membiayai perniagaan baru dan meluaskan perniagaan tetapi juga lazimnya berfungsi sebagai petunjuk bagi kesuburan ekonomi sesebuah negara.

Dr Mahathir berkata, pasaran saham juga membantu bertindak sebagai pengukur keyakinan pelabur dan menggambarkan hala tuju pembangunan ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan negara Asia mewujudkan kerjasama kerana selain kedudukannya yang penting, ia menawarkan banyak peluang.

"Ada peluang kekayaan serantau dan pengalaman yang boleh dikongsi bersama," katanya.

Menurutnya, kerjasama yang strategik boleh membantu usaha ke arah

(LIHAT MUKA 3

PM nasihat elak spekulasi berlebihan

BH 21 JUN 1994

DARI MUKA 1

penyelarasan peraturan yang seragam dan mengembangkan pasaran modal di negara masing-masing

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan perkembangan di tempat lain turut mempengaruhi pa-

saran saham tempatan berikutan meningkatnya aliran globalisasi dalam pasaran sekuriti.

Sebagai contoh, katanya, dalam konteks Malaysia, walaupun keadaan ekonomi negara terus kukuh, unjuran pertumbuh-

an Kadar Dalam Negera Kasar (KDNK) adalah mapan dan keuntungan tinggi dicatatkan oleh syarikat, pasaran ekuiti negara serta negara lain di rantau ini tidak menampakkan perubahan.

Menurutnya, Malaysia

berupaya mengekalkan rekod cemerlang walaupun prestasi rakan perdagangannya muram dan keadaan itu harus memberi pengaruh positif kepada yang ingin melabur pada jangka masa panjang.